



Bahagian Undang-Undang & Penguatkuasaan
Majlis Daerah Kulim

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 38
Bil. 21

12 Oktober 1995

TAMBAHAN No. 4
PERUNDANGAN

K. P.U. 10.


AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (MAJLIS DAERAH KULIM) 1994

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang Kecil

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Lesen dikehendaki.
4. Fee lesen.
5. Budi bicara Majlis.
6. Permohonan untuk mendapatkan lesen.
7. Kebersihan.
8. Perubahan dan tambahan.
9. Halangan.
10. Kegunaan lain tidak dibenarkan.
11. Pencahayaan dan peredaran udara.
12. Keselamatan.
13. Pencegahan kebakaran.
14. Kuasa untuk memasuki tanah atau premis.
15. Pengecualian.
16. Penalti.



K. P. U. 10. AKTA SERAYA BERSEKUTUAN 1976
 AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
 UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (MALIS DAERAH KULIM) 1994
 SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang Kecil

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS UNTUK PASAR PERSENDIRIAN

3. Larangan ke atas pasar persendirian tanpa lesen.
4. Kehendak-kehendak bangunan bagi pasar persendirian.
5. Kehendak-kehendak bagi penjualan daging dan ikan.
6. Bekalan air.
7. Kehendak-kehendak kebersihan.
8. Menguntukkan kawasan untuk jenis jualan yang berbeza.
9. Terma dan syarat untuk mengeluarkan lesen pasar persendirian.
10. Mempamerkan lesen.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS UNTUK PASAR AWAM

11. Pemunya gerai hendaklah hadir.
12. Perlantikan seorang nomini.
13. Gerai tidak boleh diserahkan hak, dipajak, disewa atau sewa kecil.
14. Lesen hendaklah dibawa semasa berniaga.
15. Tidak boleh membazir air.
16. Sekitar gerai hendaklah dijaga kebersihannya.
17. Pembuangan sampah.
18. Halangan.
19. Pindaan atau tambahan kepada gerai.
20. Mengganggu pemasangan elektrik atau air.
21. Pemasangan perkakas atau sambungan elektrik.
22. Menggunakan kereta tolak beroda besi dilarang.
23. Menggunakan kenderaan dalam kawasan pasar awam.
24. Penggunaan api.
25. Kuasa untuk memeriksa.
26. Fee lesen.
27. Pemindahan gerai dan penggantian lesen.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN PERUNTUKAN AM

28. Penjualan makanan tak berkhasiat dilarang.
29. Kehendak-kehendak bagi penjualan haiwan, daging dan ikan.
30. Kacauganggu.
31. Menggunakan gerai secara salah.
32. Peminta sedekah mendedahkan apa-apa kecacatan (kerana penyakit) dilarang.
33. Orang-orang yang berpenyakit.
34. Penalti.
35. Rampasan.
36. Menuntut barang yang dirampas.
37. Pemansuhan.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (MAJLIS DAERAH KULIM) 1994

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 (d) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Kulim, dan menurut seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-undang Kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Pasar (Majlis Daerah Kulim) 1994 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kulim dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh disiarkan dalam *Warta*.
2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“gerai” termasuklah sesuatu petak;

“Ikan” termasuklah ketam, udang, kerang atau sepertianya;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Kulim;

“pasar” ertinya sesuatu tempat awam yang biasanya digunakan untuk menjual haiwan atau daging, ikan, buah-buahan, sayur-sayuran atau barang-barang makanan manusia yang lain yang mudah musnah atau menjual apa-apa pakaian atau barang-barang dagangan lain dan termasuklah semua premis yang digunakan dengan apa-apa cara bersama-sama, berkenaan atau bersangkutan dengannya;

“pasar awam” ertinya sesuatu pasar yang dipunyai, dipajakkan atau disenggara oleh Majlis;

“pasar persendirian” ertinya sesuatu pasar selain dari pasar awam dan termasuklah pasar mini dan pasaraya;

“pemunya gerai” bermaksud seseorang yang dilisenkan oleh Majlis untuk menjual dalam lengkongan pasar awam atau dalam pasar persendirian atau seseorang individu yang dibenarkan oleh pemegang lesen pasar persendirian itu dan dalam kedua-dua keadaan itu termasuklah orang yang bertanggungjawab terhadap gerai-gerai tersebut; dan

“petak” ertinya mana-mana tempat yang ditandakan dalam kawasan sesuatu pasar dan digunakan untuk menjual apa-apa barang atau benda yang diluluskan oleh Majlis.

Akta 171

Nama pemakaian dan mula berkuatkuasa.

Tafsiran.

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN PERUNTUKAN KHAS UNTUK PASAR PERSENDIRIAN

Larangan ke atas pasar persendirian tanpa lesen.

3. (1) Tiada seorang pun boleh menubuhkan, mengelolakan atau menjalankan pasar persendirian di mana-mana tempat, tanah, pegangan, bangunan atau premis tanpa mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah Undang-undang Kecil ini.

(2) Fee yang kena dibayar bagi suatu lesen di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan Majlis boleh mengubah kadar bayaran fee ini dari semasa ke semasa tetapi perubahan itu hendaklah tidak boleh melebihi kadar yang ditetapkan dalam Jadual tersebut.

Kehendak-kehendak bangunan bagi pasar persendirian.

4. (1) Dinding bagi pasar persendirian hendaklah cukup kemas dengan permukaannya yang licin yang boleh dibersihkan dengan mudah dan cepat dan tanpa apa-apa projeksi atau ceruk atau sudut yang mungkin mengumpul habuk.

(2) Lantai hendaklah diperbuat dari bahan kalis air dengan dikemas dan dicuramkan dengan licin supaya segala bendalir mudah mengalir ke parit.

(3) Parit hendaklah dibina dari batu bata-bergariskan simen yang elok dengan bentuk yang separa bulat sebelah bawah atau separuh paip tembikar gilap yang mana garis pusatnya hendaklah tidak kurang dari 15 sentimeter dan cukup bilangannya dan cerunnya supaya dapat mengalirkan keluar segala air dan bendalir-bendalir lain.

(4) Lantai di tingkat atas hendaklah sempurna dibina dengan menggunakan simen konkrit atau papan lantai bertanggam lidah dan lurah bertutup atau selainnya ditanggam supaya kedap air.

Kehendak-kehendak bagi penjualan daging dan ikan.

5. (1) Dalam mana-mana pasar persendirian di mana daging atau ikan dipotong, disiang, dicincang, disimpan, dipamerkan atau didedahkan untuk dijual, dindingnya hendaklah dibina setinggi 180 sentimeter dari lantai yang permukaannya dari jubin gilap, batu-batu gilap atau bahan-bahan kalis air lain sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis.

(2) Semua meja, kaunter, bangku panjang atau petak peraga yang digunakan untuk mempamerkan apa-apa daging atau ikan untuk dijual hendaklah diliputi marmar, jubin gilap, keluli berkilat, aluminium, kaca atau mana-mana bahan lain yang diluluskan oleh Majlis.

(3) Penyangkuk untuk menggantung daging atau ikan yang dipamerkan untuk dijual hendaklah diletakkan sekurang-kurangnya 1 meter daripada beranda atau kaki lima dan hendaklah dari bahan kalis karat dan hendaklah ditukar apabila Majlis mengarahkan berbuat demikian.

(4) Peti sejuk, penyejuk beku, atau pendingin dari sesuatu bentuk yang diluluskan hendaklah dipasang jika dikehendaki berbuat demikian oleh Majlis.

6. Bekalan air yang bersih dan segar hendaklah sentiasa ada di premis itu yang didapati dari bekalan air awam atau dari sumber lain sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis.

7. Pemegang lesen sesuatu pasar persendirian atau sesuatu gerai atau petak di sesebuah pasar persendirian hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang berikut—

- (a) pada bila-bila masa diarahkan oleh Majlis dalam hal sesebuah pasar persendirian hendaklah dikeluarkan dari premis berlesen itu semua barang yang mudah alih dan keseluruhan premis itu dibersihkan, dicatkan atau disapu kapur, dan segala pembaikan yang perlu hendaklah dibuat terhadap premis itu;
- (b) semua makanan yang bertujuan untuk dijual hendaklah berada dalam keadaan bersih dan dilindungi dengan berkesannya dari lalat, vermin, serangga, habuk, kotoran atau bahan atau benda lain yang merosakkan;
- (c) menyimpan makanan, sama ada telah dimasak atau mentah, dalam keadaan kemas dan bersih supaya ianya tidak dihiringsapi lalat, vermin, serangga, kotoran, habuk atau barang atau benda lain yang berbahaya;
- (d) membungkus segala makanan untuk pelanggan dengan kertas atau bahan-bahan lain yang bersih dan tidak tercemar dengan apa jua cara;
- (e) semua perkakas dan pemasangan yang digunakan di premis itu hendaklah berada dalam keadaan bersih dan bebas dari apa-apa endapan merbahaya atau kecemaran;
- (f) menyimpan segala perkakas dan alat-alat yang digunakan berkaitan dengan perniagaannya supaya bersih dan tidak tercemar dengan apa carapun;
- (g) tiada apa-apa barang dari jenis alatan tidur atau pakaian boleh digantung atau disimpan dalam mana-mana bahagian pasar selain dari sesuatu kawasan yang disediakan khas untuk tujuan itu;
- (h) menyanggara diri dan pakaiannya supaya berada dalam keadaan bersih; dan
- (i) mengecat gerainya seberapa kerap yang diarahkan berbuat demikian oleh Majlis.

Mengumumkan kawasan untuk jenis jualan yang berbeza.

8. Majlis di dalam perkara sesuatu pasar persendirian boleh mengemukakan bahagian atau pecahan yang berlainan bagi pasar itu untuk jualan berlainan jenis makanan yang sudah dimasak atau makanan mentah, minuman, benda atau barang-barang, dan tiada seorang pun boleh memamer untuk dijual atau menjual apa-apa makanan, minuman benda atau barang-barang di tempat lain selain dalam bahagian atau pecahan yang telah diasingkan untuk menjual makanan, minuman, benda atau barang-barang itu.

Tema dan syarat untuk mengeluarkan lesen pasar persendirian.

9. (1) Dalam hal sesuatu pasar persendirian, Majlis boleh menetapkan—

- (a) bilangan maksima gerai, petak atau lot yang boleh didirikan atau diperuntukkan dalam pasar persendirian itu;
- (b) kedudukan dalam kawasan pasar persendirian yang mana gerai atau petak itu boleh didirikan atau digariskan gerai atau petaknya;
- (c) jenis makanan yang telah dimasak atau tak dimasak, minuman atau barang-barang yang dijual atau yang akan dijual dalam tiap-tiap seksyen atau bahagian pasar persendirian itu;
- (d) apa-apa kehendak lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majlis.

(2) Majlis boleh mengeluarkan lesen bagi pasar persendirian atas apa-apa tema dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

Mempamerkan lesen.

10. Seseorang pemegang lesen pasar persendirian hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya di bahagian yang mudah dilihat di premisnya.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS UNTUK PASAR AWAM

Pemunya gerai hendaklah hadir.

11. Seorang pemunya gerai di sesuatu kawasan pasar awam—

- (a) hendaklah pada setiap masa berada dan menjalankan atau mengawasi penjualan di gerainya melainkan jika dia tidak dapat berbuat demikian oleh kerana sesuatu sebab yang munasabah; dan
- (b) boleh dengan kebenaran Majlis secara bertulis, mengambil kerja seorang pembantu yang diberi kuasa yang nama dan gambarnya hendaklah diletakkan pada kad lesen dan pemunya gerai itu adalah bertanggungjawab atas tindakan pembantunya dan hendaklah berada sendiri di gerai itu dari pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Perlantikan seorang nomini.

12. (1) Jika seorang pemunya gerai di mana-mana pasar awam meninggalkan gerainya selama tempoh tiga puluh hari atau lebih, dia hendaklah melantik seorang nomini menggantikannya dan perlantikan itu hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh Majlis dan apa-apa kelulusan di bawah Undang-undang Kecil ini tidak boleh melebihi tempoh yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Bayaran sebanyak sepuluh ringgit hendaklah dibayar oleh pemunya gerai bagi perlantikan seorang nomini.

13. Seorang pemunya gerai tidak boleh menyerahkan hak, memajak menyewa atau menyewa kecil (sub-let) gerainya, tanpa kebenaran bertulis dari Majlis.

Gerai tidak boleh diserahkan hak disewa atau sewakan kecil.

14. Seseorang pemegang lesen atau pemunya gerai dalam sesuatu pasar awam hendaklah menyimpan lesen itu pada dirinya atau di suatu tempat yang membolehkannya mengeluarkan lesen itu apabila diminta.

Lesen hendaklah dibawa semasa berniaga.

15. Jika bekalan air awam disediakan dalam mana-mana pasar awam, tiada seorang pun boleh membazir air dan semua orang hendaklah mematuhi arahan sebagaimana yang diberikan oleh Majlis.

Tidak boleh membazir air.

16. Tiap-tiap pemunya gerai hendaklah menjaga mana-mana lebu, lorong atau ruang di hadapan, di belakang atau di tepi gerainya dan di sekitarnya dalam pasar awam supaya berada dalam keadaan bersih yang memuaskan Majlis.

Sekitar gerai hendaklah dijaga kebersihannya.

17. (1) Tiap-tiap pemunya gerai hendaklah mengadakan dan menyenggara secara teratur berkenaan dengan gerainya bilangan tong sampah yang mencukupi yang bertutup dan baik dari jenis dan bahan yang diluluskan oleh Majlis.

Perbaikan sampah.

(2) Pemunya gerai atau mana-mana orang lain tidak boleh meletak atau menyebabkan atau membenarkan diletak apa-apa sampah sarap, kotoran atau bahan-bahan lain atau benda yang dibuang olehnya di mana-mana tempat selain dari dalam tong sampah yang tersebut.

(3) Segala sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau bekas-bekas lain yang ringan sebagaimana diluluskan oleh Majlis sebelum diletakkan ke dalam tong sampah.

(4) Tiap-tiap pemunya gerai hendaklah menentukan segala sampah sarap yang dikumpul dalam urusan perniagaannya diletakkan dari masa ke semasa di tempat yang disediakan untuk tujuan itu.

(5) Tiada pemunya gerai boleh menyebabkan atau membenarkan dimasukkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air garam, cecair buangan atau bahan-bahan busuk yang lain ke dalam mana-mana longkang atau ke atas lantai mana-mana pasar awam kecuali di tempat-tempat yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Majlis.

18. Tiada pemunya gerai dalam sesuatu pasar awam boleh—

Halangan.

(a) meletak, mendirikan atau menempatkan gerainya melebihi had-had yang diuntukkan baginya, dan tiada pelindung panas atau penutup boleh melebihi 30 sentimeter dari gerai itu melainkan diluluskan oleh Majlis secara bertulis;

(b) menyebabkan atau membenarkan mana-mana barang, barang dagangan, alat atau benda yang berkaitan dengan perniagaan, nya diletak, dipamer atau didedah untuk dijual di atas mana-mana tangga, lorong, jalan lalu atau jalan tembus pasar atau sebelah atas, di atas atau melintang mana-mana parit atau bahagiannya di pasar,

(c) menyebabkan atau membenarkan barang dagangan, barang-barang, alat atau benda yang berkaitan dengan perniagaannya melebihi had-had gerai atau petak yang diuntukkan kepadanya;

(d) menyebabkan sesuatu halangan dalam sesuatu pasar atau di mana-mana lebu, jalan lalu atau hala ke suatu pasar dengan apa-apa kenderaan barang, meja, korak, bakul, kereta atau benda-benda lain;

(e) mendirikan apa-apa kotak, tetingkat para atau rangkai bina yang lain di gerai yang tingginya melebihi 2.4 meter daripada paras lantai, atau timbunan atau susunan barang-barang, kotak, bakul, bungkusan atau benda-benda lain di atas gerai yang melebihi paras tinggi yang tersebut itu.

Pindaan atau tambahan kepada gerai.

19. Tiada seorang pun boleh mendirikan apa-apa peredup, pelindung atau sekatan atau membuat apa-apa perubahan atau tambahan kepada sesuatu gerai tanpa persetujuan bertulis dari Majlis.

Mengganggu pemasangan elektrik atau air.

20. Tiada seorang pun boleh mengubah atau mengganggu sesuatu pasangan elektrik atau air dalam sesuatu pasar awam.

Pemasangan perkakas atau sambungan elektrik.

21. (1) Tiada apa juga perkakas atau sambungan elektrik, sambungan bekalan air paip awam atau lekapan boleh di pasang atau disambung oleh seseorang pemunya gerai dalam sesuatu pasar awam tanpa kebenaran Majlis secara bertulis terlebih dahulu dan pemunya gerai, jika diluluskan oleh Majlis, hendaklah menanggung segala kos dan perbelanjaan mengenai penyambungan, pendawaian atau pemasangan itu dan hendaklah membayar segala caj elektrik sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Sekiranya mana-mana lesen ditarik balik atau dibatal oleh Majlis atau diserahkan atau dikembalikan oleh pemegang lesen, perkakas atau sambungan elektrik, sambungan bekalan air paip awam atau lekapan itu hendaklah menjadi hak Majlis tanpa membayar sebarang gantirosak kepada pemegang lesen.

Menggunakan kereta tolak beroda besi di larang.

22. Tiada seorang pun boleh menggunakan sesuatu kereta tolak atau troli beroda besi bagi maksud mengangkut barang dalam lengkungan sesuatu pasar awam.

Mengguna kenderaan dalam kawasan pasar awam.

23. Tiada seorang pun boleh memandu sesuatu kenderaan bermotor atau membawa basikal roda tiga atau basikal masuk ke dalam mana-mana pasar awam bagi maksud mengangkut barang untuk dijual melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Majlis.

24. Api tidak boleh dinyalakan dan memasak atau merebus tidak boleh dilakukan di dalam sesuatu pasar awam kecuali di tempat atau tempat-tempat sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan olehnya. Penggunaan api.

25. Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis boleh mengusir atau menyebabkan diusir daripada sesuatu pasar awam mana-mana pemunya gerai atau orang gajinya yang telah disabitkan atas sesuatu kesalahan atau kerana mengingkari mana-mana peraturan Undang-undang Kecil berhubung dengan pasar dan boleh menghalang pemunya gerai itu atau orang gajinya daripada menjalankan lagi perniagaan atau urusan dalam pasar awam atau menduduki mana-mana gerai atau tempat-tempat lain di dalamnya, dan boleh menamatkan apa-apa pajakan atau tempoh pemegangan orang mengenai sesuatu gerai atau tempat-tempat lain. Kuasa untuk memeriksa.

26. Fee yang kena dibayar bagi sesuatu lesen gerai dalam pasar awam hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan Majlis boleh mengubah kadar bayaran ini dari masa ke semasa tetapi perubahan itu hendaklah tidak boleh melebihi kadar yang ditetapkan dalam Jadual tersebut. Fee lesen.

27. Dalam hal keadaan di mana Majlis membenarkan pemindahan sesuatu gerai atau petak dalam sesuatu pasar awam, atau dalam keadaan di mana lesen digantikan oleh kerana kehilangan atau kerosakkan kepada lesen asal, bayaran yang kena di bayar hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga. Pemindahan gerai dan penggantian lesen.

BAHAGIAN IV PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

28. Tiada seorang pun boleh mempamerkan untuk dijual atau menjual di mana-mana pasar apa-apa benda makanan atau minuman yang tidak berkhasiat untuk makanan manusia. Penjualan makanan tak berkhasiat dilarang.

29. (1) Tiada seorang pun boleh menjual atau mendedahkan atau menyimpan untuk di jual haiwan hidup atau daging, ikan, ayam, itik, buah-buahan sayur-sayuran atau benda-benda makanan yang lain yang mudah busuk bertujuan untuk makanan manusia, atau apa-apa pakaian, dagangan atau barang-barang lain di mana-mana pasar kecuali dalam gerai atau petak yang baginya lesen telah diberikan oleh Majlis. Kehendak-kehendak bagi penjualan haiwan daging dan ikan.

(2) Kerja-kerja menyang atau menyembelih ayam/itik tidak boleh dijalankan di mana-mana pasar kecuali di tempat atau tempat-tempat sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan.

(3) Ayam atau itik hidup yang dibawa ke dalam pasar hendaklah dalam kurungan plastik atau kurungan logam.

(4) Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis boleh mensita, menyiasat dan memeriksa mana-mana binatang, burung, daging atau ikan yang dipercayai tercemar atau buah-buahan, sayur-sayuran dan benda makanan yang lain dan minuman yang tidak berkhasiat atau tidak layak untuk dimakan oleh manusia dan boleh memerintahkan benda-benda itu dimusnahkan jika difikirkan patut.

Kacauganggu.

30. Tidak seorang pun di dalam sesuatu pasar boleh—

(a) melakukan kacauganggu;

(b) meludah di atas lantai, gerai atau bahagian-bahagian pasar yang lain;

(c) membuang apa-apa sayur-sayuran, najis atau sisa-sisa sembelihan binatang, lebih-lebih sampah sarap atau bahan-bahan atau benda-benda busuk yang lain ke atas sesuatu gerai, jalan raya, jalan lalu, tangga atau mana-mana bahagian pasar, kecuali di dalam tong sampah atau bekas sampah yang telah dikhaskan untuk tujuan tersebut;

(d) membela anjing atau binatang-binatang lain, membawa anjing atau binatang-binatang lain sama ada berikat atau tidak ke dalam pasar, atau dengan sengaja membiarkan atau membenarkan anjing atau binatang-binatang lain mengekornya ke dalam pasar.

Menggunakan gerai secara salah.

31. Tiada seorang pun boleh duduk, berdiri, baring atau tidur di atas mana-mana gerai dalam kawasan mana-mana pasar.

Peminta sedekah dan mendedahkan apa-apa kecacatan (kerana penyakit) dilarang.

32. Tiada seorang pun boleh mengemis atau meminta sedekah atau mendedahkan atau mempamerkan apa-apa kudis, luka, penyakit atau kecacatan (kerana penyakit) pada tubuh badan di pasar dan mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa hendaklah menghalau orang-orang berkenaan dari pasar tersebut dan orang-orang yang demikian itu tidak boleh terlibat atau membantu dalam apa-apa perniagaan di dalam pasar.

Orang-orang yang berpenyakit.

33. Tidak seorang pun yang diketahui mengidap penyakit merebak atau berjangkit atau membawa jangkitan apa-apa penyakit boleh diambil bekerja dalam penyediaan atau penjualan makanan dalam sesuatu pasar; dan seorang yang diambil kerja sedemikian itu hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis, menjalani pemeriksaan kesihatan.

Penalti.

34. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukkan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda dan penjara kedua-duanya sekali dan mengenai kesalahan yang berterusan boleh dikenakan denda sekali tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari dalam masa kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

35. (1) Mana-mana barang atau benda yang ditawarkan atau didedahkan untuk jualan dalam mana-mana pasar termasuk bekasnya dan mana-mana alat berkaitan dengannya kepunyaan orang yang tidak berlesen atau mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Undang-undang Kecil ini berniaga di luar dari gerai yang dikhaskan baginya boleh dirampas oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis secara bertulis dan dipindahkan ke mana-mana tempat yang ditentukan oleh Majlis dan ditahan di situ atas risiko pemunyaanya. Rampasan.

(2) Mana-mana barang mudah rosak yang dirampas di bawah perenggan kecil (1) Undang-undang Kecil ini hendaklah dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis dan hasilnya hendaklah disimpan oleh Majlis dan digunakan bagi atau terhadap belanja-belanja yang dilakukan dan lebihannya jika ada, hendaklah dibayar, apabila diminta oleh pemunya benda atau barang itu.

(3) Jika lebihan itu tidak dituntut dalam masa satu tahun ia hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan Majlis.

36. (1) Seseorang yang mempunyai apa-apa tuntutan ke atas mana-mana barang yang dipindah atau ditahan di bawah Undang-undang Kecil 35, boleh menuntut barang-barang itu daripada Majlis dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh barang-barang itu dirampas tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan oleh Majlis. Menurut barang yang dirampas.

(2) Sekiranya tidak ada tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang yang dipindahkan atau ditahan itu dalam tempoh tiga bulan yang di tetapkan itu, Majlis boleh melupuskan barang-barang itu mengikut cara yang difikirkan patut dan sesuai.

37. Undang-undang Kecil Pengawalan dan Penjualan Bahan-bahan Segar menurut L.N. 79 bertarikh pada 21 Ogos 1951 dengan ini dimansuhkan. Pemansuhan.

JADUAL PERTAMA
[Undang-undang Kecil 3(2)]
FEE LESEN BAGI PASAR PERSENDIRIAN

Pasar Persendirian	Tidak melebihi RM
1. Luas keseluruhan lantai 50 meter persegi dan kurang	100 00 setahun
2. Luas keseluruhan lantai lebih daripada 50 meter persegi tetapi tidak melebihi 100 meter persegi	200 00 setahun
3. Luas keseluruhan lantai lebih daripada 100 meter persegi tetapi tidak melebihi 300 meter persegi	400 00 setahun
4. Luas keseluruhan lantai lebih daripada 300 meter persegi tetapi tidak melebihi 700 meter persegi	700 00 setahun

Pasar Persendirian	Tidak melebihi RM
5. Luas keseluruhan lantai lebih daripada 700 meter persegi tetapi tidak melebihi 1,500 meter persegi	1,000 00 setahun
6. Luas keseluruhan lantai lebih daripada 1,500 meter persegi tetapi tidak melebihi 3,000 meter persegi	1,500 00 setahun
7. Luas keseluruhan lantai lebih daripada 3,000 meter persegi	2,000 00 setahun

JADUAL KEDUA
[Undang-undang Kecil 26]
FEE LESEN BAGI GERAI DALAM PASAR AWAM

Jenis Gerai	Barang yang Dijual	Kadar Bulanan Tidak melebihi
1. Gerai Pasar	(a) ikan	RM 100 00
	(b) daging	100 00
	(c) kelapa	100 00
	(d) buah-buahan/sayur- sayuran/telur/taufu	100 00
	(e) barang-barang lain	100 00
2. Petak niaga (di dalam dan di luar)	Barang-barang yang diluluskan oleh Majlis	40 00

JADUAL KETIGA
[Undang-undang Kecil 27]
BAYARAN PINDAHMILIK GERAI ATAU PENGGANTIAN LESEN

1. Bayaran pindahmilik	RM
2. Bayaran pengantian lesen	20 00
	10 00

Diperbuat pada 30 Januari 1994.

HAJI HASHIM BIN HAJI ISMAIL,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kulim

Disahkan pada 18 September 1995.
[PSU(K) 98/1396 SK. 30.]

HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Kedah Darul Aman